# GARIS PANDUAN

## PENGURUSAN SKIM GERAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN TRANSDISIPLINARI (RUTrans) FASA 1/2020 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

### 1. PENGENALAN

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi memperkenalkan inisiatif baharu, iaitu Geran Universiti Penyelidikan Transdisiplinari (RUTrans), sebagai satu program penyelidikan transdisiplinari atau rentas bidang yang dapat membina kerjasama keserakanan di antara penyelidik-penyelidik USM yang berlainan domain bersama rakan-rakan di Industri/Agensi Kerajaan/NGO/Universiti Antarabangsa yang tersohor.

**Objektif utama** geran adalah untuk mewujudkan satu program penyelidikan sinergistik yang berteraskan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan akan memberi tumpuan kepada kluster S*ocioeconomic Drivers* negara yang dikenal pasti. Penyelidikan tersebut membolehkan perkongsian dan kerjasama merentas bidang dengan menggunakan *Technology Drivers (Enablers)* yang telah digariskan Akademi Sains Malaysia (ASM). Objektif ini sejajar dengan visi dan misi universiti yang menekankan kepentingan penyelidikan rentas bidang, pemerkasaan bakat masa depan dan pengupayakan golongan terkebawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka. Geran ini juga menyokong agenda Universiti Penyelidikan (RU) iaitu *Talent Development*, *Research Prominence*, *Wealth Creation* and *Bridging the Grand Challenge* yang akan membawa USM sebagai salah satu RU ke satu tahap yang lebih tinggi.

**Jangkaan hasilan** daripada program penyelidikan ini akan dapat mewujudkan penyelesaian terhadap pernyataan masalah yang memberi impak kepada masyarakat terutama golongan terkebawah atau industri/agensi selain hasilan kesarjanaan seperti jaringan, penerbitan, IP dan bakat. Permohonan geran RUTrans perlu mengikut panggilan kertas kerja (*call for proposals*) yang telah ditetapkan oleh USM apabila permohonan geran ini dibuka dan akan melalui beberapa fasa bagi memastikan hanya projek terpilih sahaja yang layak.

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020

Di bawah inisiatif ini, Universiti meletakkan kepercayaan kepada **staf akademik dari Gred DS/DU/DUG 45/51/52/53/54/56 sebagai Ketua Program** untuk meneraju program RUTrans. Usaha ini dilaksanakan untuk membudayakan aktiviti penyelidikan dalam kalangan kumpulan pertengahan di Universiti. Program ini juga dapat mempersiapkan mereka untuk menerajui geran transdisiplinari luar lain yang lebih mencabar.

## 2. PROGRAM PENYELIDIKAN

Program Penyelidikan RUTrans mesti **melibatkan minimum tiga (3) projek** di bawah domain penyelidikan yang berbeza dalam kalangan penyelidik di USM sahaja. **Sekurang-kurang satu (1) projek perlu mempunyai penyelidik bersama dalam kalangan rakan-rakan kolaborasi dari Industri/Agensi Kerajaan/NGO/Universiti Antarabangsa yang tersohor** (bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat niat (*letter of intent*) dan lain-lain dokumen yang berkaitan). Program (atau projek) yang mempunyai rakan kolaborasi dan telah bersetuju untuk memberikan sebahagian pembiayaan akan diberikan keutamaan.

Program yang bakal dilaksanakan mestilah selaras dengan agenda penyelesaian masalah global yang berteraskan SDG dan akan berpandukan kluster terpilih semasa permohonan dibuka daripada senarai ***Socioeconomic Driver*** yang dikeluarkan oleh ASM (rujuk **LAMPIRAN A**). Penyelesaian yang dicadangkan untuk dilaksanakan hendaklah memenuhi kriteria berikut:

(a) **Kerjasama dengan sekurang-kurangnya seorang (1) Penyelidik Bersama** daripada Industri/Agensi Kerajaan/NGO/Universiti Antarabangsa.

(b) Gabungan **sekurang-kurangnya dua (2) *Technology Drivers (enablers)*** berikut (lihat Lampiran A):

- 5G/6G
- Sensor technology
- 4D/5D Printing
- Advanced Materials
- Advanced Intelligence Systems
- Cyber-Security & Encryption
- Augmented Analytics & Data Discovery
- Blockchain
- Neuro Technology
- Gene Editing & Modification

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020

(c) Merangkumi **sekurang-kurangnya tiga (3) domain** berikut bagi memastikan program RUTrans merentasi disiplin:

- Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences)
- Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering)
- Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences)
- Sains Sosial (Social Sciences)
- Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts)
- Warisan Alam dan Budaya (Natural and Cultural Heritage)
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology)

## 2.1. SYARAT PERMOHONAN SEBAGAI KETUA PROGRAM

Geran RUTrans adalah geran transdisiplinari yang akan diketuai oleh seorang Ketua Program. Kriteria-kriteria Ketua Program adalah seperti berikut:

(a) **Staf akademik USM (Gred DS/DU/DUG 45/51/52/53/54/56)** yang mempunyai rekod pencapaian penyelidikan yang cemerlang, antaranya:

- **Bilangan penerbitan dalam jurnal-jurnal *Web of Science* (WoS)**, iaitu **melebihi 20** untuk Bidang Sains dan Teknologi (S&T) atau **melebihi 10** untuk Bidang Sains Sosial.
- **H-index** (**merujuk kepada SCOPUS**) **sekurang-kurangnya 10** untuk Bidang S&T atau **sekurang-kurangnya 5** untuk Bidang Sains Sosial.
- Pernah melengkapkan geran sebagai ketua penyelidik (seperti FRGS, RUI dll)

(b) **Staf akademik USM (Gred DS/DU/DUG 45/51/52/53/54/56) yang bertaraf kontrak MESTILAH** mempunyai Penyelidik Bersama bertaraf tetap.

(c) Staf akademik USM **(Gred DS/DU/DUG 45/51/52/53/54/56)** yang **bercuti belajar tidak dibenarkan** menjadi Ketua Program.

(d) Hanya **dibuka kepada mereka yang tidak memegang mana-mana geran dalaman** kecuali geran insentif.

## 2.2. SYARAT PERMOHONAN SEBAGAI KETUA PROJEK

(a) Terbuka kepada semua staf akademik Universiti Sains Malaysia **Gred DS/DU/DUG 45/51/52/53/54/56** sahaja.

(b) Ketua Projek yang bertaraf kontrak **MESTILAH** mempunyai Penyelidik Bersama dikalangan staf akademik USM bertaraf tetap.

(c) Hanya dibuka kepada mereka yang **tidak memegang mana-mana geran dalaman** kecuali geran insentif.

(d) **Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Projek bagi satu projek sahaja**.

(e) **Ketua Program perlu mengetuai salah satu projek**.

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020

## 3. TATACARA PERMOHONAN

Permohonan Geran RUTrans akan melalui **lima (5) Fasa** seperti berikut:

| FASA | BUTIRAN | KAEDAH |
|---|---|---|
| **PERTAMA** | Kertas Konsep<br>(*Concept Paper*) | Kertas konsep perlu melalui saringan dan penilaian awal diperingkat PTJ sebelum dikemukakan ke RCMO.<br><br>Kertas konsep yang disenarai pendek oleh Jawatankuasa Penilaian Program akan dipelawa untuk melalui proses Rakaman Konsep (*Concept Recording*). |
| **KEDUA** | Rakaman Konsep<br>(*Concept Recording*) | Fasa ini akan dilaksanakan dengan konsep rakaman video ringkas **berdurasi tidak lebih 8** minit berkenaan program penyelidikan yang dicadangkan.<br><br>Program yang disenarai pendek akan dipelawa untuk *Pitching* Projek (*Project Pitching*). |
| **KETIGA** | *Pitching* Projek<br>(*Project Pitching*) | Cadangan program akan dibentangkan oleh Ketua Program dan Ketua Projek dalam bentuk *Project Pitching*. Penilaian dan keputusan akan dilakukan semasa pembentangan. **Tempoh Pembentangan selama 3 hingga 5 minit** dan mengikut format yang spesifik.<br><br>Sesi *pitching* dapat memberi peluang kepada Ketua Program dan Ketua Projek untuk menerangkan program yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Penilaian Program.<br><br>*Pitching* yang disenarai pendek akan dipelawa untuk menyediakan Kertas Cadangan Penyelidikan Penuh (*Full Proposal*). |
| **KEEMPAT** | Kertas Cadangan Penyelidikan Penuh<br>(*Full Proposal*) | Kertas Cadangan Penyelidikan Penuh akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Program.<br><br>Sekiranya program tersebut disenarai pendek, Ketua Program akan dipelawa untuk membuat pembentangan kertas cadangan (P*roposal Presentation*). |
| **KELIMA** | Pembentangan Kertas Cadangan<br>(*Proposal Presentation*) | Kertas cadangan akan dibentangkan oleh Ketua Program bersama semua Ketua Projek. Program yang **BERJAYA** akan **ditawarkan Skim Geran RUTrans Fasa 1/2020**. |

(a) Kertas Cadangan Penyelidikan Penuh (Fasa Ke-4) akan meliputi Program dan setiap Projek di bawah Program. **Kesemua kertas cadangan perlu disatukan dan akan dikemukakan oleh Ketua Program sahaja.**

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020

(b) Semua permohonan (Program dan Projek) hendaklah disemak, dinilai dan diperaku oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). **Hanya permohonan yang diserahkan melalui PTJ masing-masing akan diterima dan diproses**.

**(c) Permohonan yang tidak lengkap dan lewat tidak akan diproses serta akan dikembalikan kepada PTJ masing-masing.**

(d) **Penyelidik di bawah senarai hitam tidak dibenarkan memohon**.

## 4. SILING PERMOHONAN

Jumlah siling bagi setiap permohonan Geran RUTrans adalah **RM500,000.00**

## 5. TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh pelaksanaan Geran RUTrans adalah **36 bulan (3 tahun).**

## 6. PERATURAN KEWANGAN

Perbelanjaan projek yang terlibat/berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap Ketua Projek perlu mematuhi prosedur semasa perolehan Universiti bagi setiap perbelanjaan.

| Vot | Definisi | Catatan |
|---|---|---|
| **Vot 11000**<br>(Upah/Gaji dan Elaun GRA) | Upah/Gaji bagi Pegawai Penyelidik/ Pembantu Penyelidik dan elaun bagi Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. | Pelajar PhD (maksima RM1800)<br>Pelajar MSc (maksima RM1300)<br>(Perlu mengisi VOT 11000 terutamanya bagi pelantikan GRA) |
| **Vot 21000**<br>(Perjalanan & Pengangkutan) | Perjalanan bagi **tujuan kerja lapangan dan menghadiri persidangan dalam atau luar negara.** | 1. **Tidak melebihi RM5,000.00** bagi setiap projek**.**<br>2. Justifikasi khas/ kukuh perlu diberikan jika permohonan melebihi RM5,000 (keutamaan hanya bagi kajian yang melibatkan kajian lapangan sahaja).<br>3. Perjalanan ke luar negara yang **dibenarkan pada Tahun Kedua dan hanya sekali sahaja dalam tempoh aktif geran**. Tujuan perjalanan adalah untuk menghadiri persidangan sebagai **pembentang oral sahaja**. Persidangan yang dibenarkan mestilah mempunyai penerbitan dalam WoS sahaja **(keutamaan Special Issues di dalam jurnal Q1/Q2)**. Hanya dibenarkan kepada staf USM sahaja. |
| **Vot 23000**<br>(Perhubungan dan Utiliti) | Perbelanjaan bagi penggunaan telefon, faks, pos dan lain lagi yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. | |

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020

| | | |
|---|---|---|
| **Vot 24000**<br>(Sewaan) | Bagi peralatan, pengangkutan, bangunan dan barangan yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. | |
| **Vot 27000**<br>(Bekalan & Bahan Penyelidikan) | Bahan mentah dan bahan berkaitan penyelidikan sahaja. | |
| **Vot 28000**<br>(Penyelenggaraan dan Ubah Suai) | 1. Perbelanjaan baik pulih & pengubahsuaian kecil bangunan, makmal, peralatan berkaitan penyelidikan<br>2. Penyelenggaraan peralatan sedia ada juga dibenarkan. | |
| **Vot 29000**<br>(Perkhidmatan Ikhtisas) | Perkhidmatan seperti percetakan, honorarium, konsultansi, khidmat kepakaran, suntingan Bahasa, perkhidmatan pangkalan data.<br><br>Perkhidmatan khas seperti kos dan yuran persidangan, bengkel, bayaran penerbitan dll. | **1. Pembayaran honorarium kepada Ketua Program, Ketua Projek atau Penyelidik Bersama tidak dibenarkan.**<br>**2. Sebarang pembayaran honorarium perlu mendapatkan kelulusan RCMO.**<br>**3. Pembayaran honorarium merupakan** bayaran **'one-off'** bagi kerja-kerja yang dilaksanakan dalam sesuatu tempoh masa. Manakala, pembayaran yang berkala dan berkadar sama perlu menggunakan VOT 11000 dan penerima perlu dilantik di bawah Skim Siswazah Pembantu (SSP) Penyelidikan/GRA (merupakan pelajar Siswazah USM Sarjana/PhD Mod Penyelidikan sahaja atau iRORA (sekiranya penerima bukan merupakan pelajar Siswazah USM Mod Penyelidikan. |
| **Vot 35000**<br>(Peralatan dan Aksesori) | Pembelian alatan dan aksesori untuk penyelidikan termasuk lesen perisian baharu. | 1. **Tidak melebihi 40%** dari jumlah keseluruhan peruntukan projek.<br>2. Perlu kemukakan senarai justifikasi dan tiga (3) sebut harga bagi setiap alatan.<br>3. Pihak Universiti boleh mengagihkan semula peralatan yang diluluskan di bawah geran RUTrans seandainya terdapat penyelidik lain yang memerlukan peralatan tersebut selepas projek tamat.<br>4. **Pembelian komputer riba/desktop adalah tidak dibenarkan.** |
| **Vot 52000**<br>(Bayaran-bayaran lain) | Perbelanjaan lain seperti pembaharuan lesen (cth: pembaharuan lesen perisian, lesen pengangkutan), caj bank dan cukai. | |

Perbelanjaan geran adalah secara **kawalan vot**. Jika terdapat keperluan untuk **pindaan vot, permohonan akan dipertimbangkan/dibenarkan setahun sekali sahaja**. Beberapa peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi penyelidik:

- **Tidak dibenarkan** membuat pindaan vot keluar daripada **vot 11000**
- **Tidak dibenarkan** membuat pindaan masuk ke dalam **vot 21000** kecuali bagi tujuan pengumpulan data sepertimana Kertas Cadangan Asal bersama justifikasi yang kukuh.

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020

- Perjalanan ke luar negara yang **dibenarkan pada tahun kedua (atau ketiga bergantung tempoh geran) dan hanya sekali sahaja dalam tempoh aktif geran**. Tujuan perjalanan adalah untuk menghadiri persidangan sebagai **pembentang oral sahaja**. Persidangan yang dibenarkan mestilah mempunyai penerbitan dalam WoS sahaja **(keutamaan Special Issues dalam jurnal Q1/Q2)**. Hanya dibenarkan kepada staf USM sahaja.
- **Tidak digalakkan** membuat pindaan vot masuk ke dalam **vot 35000**. **Pembelian komputer riba/desktop adalah tidak dibenarkan.**
- Semua jenis pembelian melalui **pesanan rasmi** (PO)/tuntutan perlu dilakukan **sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan. Sebarang pembelian/tuntutan selepas tarikh tamat tempoh tidak akan dipertimbangkan.**

Ketua Program diwajibkan memantau dan membuat perbelanjaan setiap projek berdasarkan peruntukan yang telah **diluluskan mengikut vot sahaja**. Sebarang perbelanjaan bagi setiap projek melebihi peruntukan yang telah diluluskan harus ditanggung oleh Ketua Projek tersebut. Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh projek yang ditetapkan akan **LUPUT**.

Setiap kelulusan dan pembelian aset/inventori perlu dikemukakan semasa pemantauan Geran RUTrans. Setiap pembelian aset/inventori perlu melalui PTJ (setiap aset/inventori di PTJ adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Aset PTJ) untuk tujuan penerimaan, pendaftaran, pemantauan dan rekod PTJ.

## 7. HASIL PENYELIDIKAN

**(a) Impak**

Keseluruhan atau sebahagian hasil daripada Program dapat diadaptasi di dalam industri, agensi kerajaan, NGO yang terlibat atau berjaya menyelesaikan masalah dihadapi komuniti.

**(b) Jaringan**

Jaringan bersama Industri/Agensi Kerajaan/NGO/Universiti Antarabangsa yang berupa penerbitan bersama dan permohonan geran luar bersama.

**(c) Penerbitan**

- Setiap program perlu menerbitkan **sekurang-kurangnya dua (2)** penerbitan bagi setiap projek (**tertakluk kepada bilangan projek bagi setiap program**) :
  - Jurnal *Web of Science-WoS* (*ISI*) bagi **Bidang S&T**.
  - Jurnal *Web of Science-WoS* (*ISI*) /Scopus/ERA/MyCite bagi **Bidang Bukan S&T.**
  - **60 peratus penerbitan** mestilah diterbitkan dalam jurnal Q1/Q2 terindeks WoS.

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020

- Mengguna pakai **sekurang-kurangnya satu (1) kata kunci (keyword) dan satu (1) sub kata kunci (sub keyword) SDG** pada setiap penerbitan (rujuk **LAMPIRAN B – JADUAL *SDG KEYWORDS***).
- Contoh **kata kunci SDG seperti berikut:**

| ***SDG*** | **Kata Kunci *Keyword*** | | ***Pilih satu Choose One*** ***Sub Kata Kunci Sub keyword*** | | ***Pilih satu Choose One*** ***Sub Kata Kunci Sub keyword*** | | ***Contoh Example*** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ***SDG 6*** | ***SAFE*** | ***AND*** | *water access* | ***OR*** | | | ***Safe water access*** |
| | | | *drinking water* | | | | ***Safe drinking water*** |
| | | | *clean* | ***AND*** | *drinking water* | | ***Safe clean drinking water*** |
| | | | | | *Water source* | | |
| ***Catatan : Perkataan 'SAFE' sahaja tanpa sub kata kunci tidak akan dikira. Remarks: Only Word 'SAFE' without sub keyword will not be counted.*** | | | | | | | |

- Semua hasil penerbitan **dijalankan oleh penyelidik yang menggunakan sumber-sumber geran RUTrans mestilah menyatakan Universiti Sains Malaysia sebagai afiliasi**.
- **Setiap penerbitan perlu memberikan penghargaan kepada geran RUTrans dengan nombor akaun/rujukan geran tersebut ditulis** pada bahagian *Acknowledgement* penerbitan. Nama Universiti juga perlu ditaip dengan lengkap, iaitu **'Universiti Sains Malaysia'**.
- **Sekiranya penerbitan yang dihasilkan merakamkan penghargaan lebih dari satu geran berbeza termasuk RUTrans sebagai salah satu daripadanya**, pengiraan hasil penerbitan akan dibahagi mengikut bilangan geran yang dinyatakan kecuali Geran Bridging/ Geran Bridging Insentif/Geran Insentif. Walau bagaimanapun, kiraan hasil penerbitan tersebut boleh dipertimbangkan berdasarkan budi bicara mengikut keperluan dan keadaan tertentu.

**(d) Bakat**

- Bergantung kepada tempoh dan bilangan projek.
- Bagi tempoh program 36 bulan:
  - **sekurang-kurang satu (1) pelajar PhD atau dua (2) pelajar Sarjana Mod penyelidikan** sepenuh masa bagi setiap projek.

**(e)** Sebarang proses atau produk baharu yang boleh dipatenkan hasil daripada kajian perlulah melalui Pusat Inovasi dan Perundingan (*Centre of Innovation and Consultation*). Semua harta intelek yang terhasil daripada geran RUTrans adalah tertakluk kepada polisi IP Universiti Sains Malaysia.

**(f)** Ketua Program perlu memastikan pencapaian hasil penyelidikan setiap projek seperti yang dinyatakan. Sekiranya Program **gagal mencapai hasil penyelidikan,** Ketua Program bertanggungjawab sepenuhnya dan bergantung kepada sebab kegagalan, **Ketua Program dan semua Ketua Projek berkemungkinan disenaraihitam (tidak akan dibenarkan untuk memohon sebarang geran dalaman pada satu tempoh masa yang akan ditentukan). USM memandang serius terhadap kegagalan penyelidik dalam mencapai hasil setiap geran penyelidikan yang dianugerahkan.**

## 8. PENILAIAN PERMOHONAN

**(a)** Permohonan Geran RUTrans akan dinilai oleh beberapa Jawatankuasa Penilaian Program RUTrans (yang dilantik universiti) mengikut fasa yang disenaraikan dalam Tatacara Permohonan (Rujuk Perkara 3).

**(b)** Secara umum, pemarkahan kepada permohonan akan diberikan berpandukan kriteria berikut:

- Merit Saintifik (Scientific Merit);
- Impak Projek (Project Impact);
- Rekod Prestasi dan Kecekapan Ketua Program/Projek (Track Record and Competency of Programme/Project Leader);
- Rekod Prestasi dan Kebolehan Kumpulan (Track Record and Capability of the Team);
- Penglibatan Rakan Kolaborasi *(Involvement of Collaborators);*
- Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi (*Research and Innovation Ecosystem*);
- Penggunaan Prasarana Sediaada (*Utilisation of Existing/Available Infrastructure)*
- Relevan terhadap SDG (*Relevant to SDG)*.

## 9. KEPUTUSAN DAN PENAWARAN

**(a)** Pemohon yang berjaya akan ditawarkan surat tawaran geran bersama dengan nombor akaun geran. Ketua Program dan semua Ketua Projek perlu menandatangani *Project Commitment Agreement (PCA)* sebelum geran diaktifkan seperti di **LAMPIRAN C** dan **LAMPIRAN D**.

**(b)** Pemohon selaku Ketua Program bersama Ketua Projek serta Penyelidik Bersama perlu membaca dan memahami kriteria keperluan Jawatankuasa Etika USM (**Rujuk LAMPIRAN E**), iaitu Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JEPeM), Jawatankuasa Penjagaan & Penggunaan Haiwan USM (JKPPH-USM) dan Jawatankuasa Biokeselamatan USM (Biosafety).

**(c)** Makluman awal penawaran geran di bawah kelulusan secara bersyarat **akan ditangguhkan atau terbatal secara automatik** berdasarkan kriteria berikut:

i. **Projek Yang Memerlukan Kelulusan Etika**
Penawaran geran ini akan ditangguhkan sehingga kelulusan etika yang berkenaan diterima oleh RCMO dalam tempoh yang ditetapkan.

ii. **Tidak Menyerahkan Laporan Akhir**
Penangguhan penawaran juga dilaksanakan sekiranya **Ketua Program (dan Ketua Projek) tidak mengemukakan laporan akhir projek-projek lain** (terutamanya geran/dana dalaman Universiti) yang telah tamat tempoh penyelidikan.

**(Nota:** Sekiranya berlaku ketidakpatuhan bagi perkara tersebut dan Ketua Program tidak memenuhi tarikh tutup yang dimaklumkan dalam surat tersebut, Ketua Program berkemungkinan disenarai hitam dan secara automatik penawaran geran tersebut ditarik semula).

iii. **Tiada Maklum Balas Daripada Ketua Program**
Penawaran geran ini akan terbatal secara automatik mengikut tarikh yang dinyatakan dalam surat makluman keputusan awal sekiranya tiada sebarang maklum balas daripada Ketua Program.

**(d)** Permohonan pelantikan staf projek boleh dibuat melalui **iRoRa** (*Intelligent Appointment for Research Officer & Research Assistant System*) dipautan https://ernd.usm.my/sprojek/ dan Skim Siswazah Pembantu (SSP) Penyelidikan atau Graduate Research Assistant (GRA) menggunakan borang yang dimuat turun dipautan http://www.research.usm.my/default.asp?tag=10&f=1&k=1#.

## 10. PEMANTAUAN GERAN

**(a)** Pemantauan Geran RUTrans dijalankan **setiap 4 bulan** melalui laporan kemajuan yang akan pembentangan kepada **Jawatankuasa Pemantauan Program** bagi menilai menilai kemajuan carta perbatuan (*milestone*) dan prestasi perbelanjaan geran.

**(b)** Semasa pembentangan jika didapati **pencapaian carta perbatuan dan/atau prestasi perbelanjaan peruntukan geran tidak memuaskan atau geran tersebut tidak memberi hasil yang sepatutnya, Jawatankuasa Pemantauan Program boleh mencadangkan geran tersebut untuk DIBEKUKAN atau DITAMATKAN.** Keputusan ini akan dibentangkan untuk kelulusan peringkat Universiti.

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020

**(c)** Peruntukan geran yang telah diluluskan akan diagih dan diberikan mengikut **tahun semasa** dalam tempoh geran diluluskan. Agihan tahun berikutnya hanya dibuat setelah mendapat perakuan daripada Bengkel Pemantauan Geran yang diadakan.

**(d)** **Kegagalan untuk menyampaikan laporan kemajuan dan boleh memungkinkan semua projek di bawah program akan dibekukan sehingga laporan berkenaan dikemukakan atau ditamatkan selepas dua (2) kali peringatan dihantar**.

**(e)** **Kesemua ahli Program WAJIB hadir ke pembentangan**.

## 11. PELANJUTAN GERAN

**(a)** Ketua Program bertanggungjawab untuk membuat permohonan pelanjutan Program dengan mengisi borang HEPG **tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat tempoh geran. Setiap program yang diluluskan pelanjutan tempohnya, secara automatik semua projek akan dilanjutkan mengikut tempoh yang sama. Permohonan selepas tarikh tamat tempoh geran tidak akan dipertimbangkan**.

**(b)** **Permohonan pelanjutan projek secara berasingan tidak dibenarkan**.

**(c)** Tempoh maksima yang dibenarkan untuk pelanjutan setiap program ialah selama **12 bulan sahaja**.

## 12. PENUTUPAN/PENAMATAN GERAN

**(a)** Semua Ketua Program dan Ketua Projek bertanggungjawab untuk menutup geran yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir yang boleh dimuat turun melalui laman web Bahagian Penyelidikan & Inovasi (www.research.usm.my/default.asp?tag=23). Laporan akhir ini perlu disampaikan dalam tempoh tidak melebihi **tiga (3) bulan selepas tamat tempoh** kajian ke RCMO. Laporan akhir yang tidak lengkap atau tidak ditandatangani tidak diterima dan akan dikembalikan semula sehingga syarat tersebut dipenuhi.

**(b)** Semua pembelian aset/inventori perlu diisytihar dan dikembalikan (melalui **Borang Penyerahan Aset/Inventori dan salinan Kew.PA-2/Kew.PA-3**) sebagai alatan guna sama yang diletakkan di bawah pengawasan PTJ masing-masing dan merupakan hak milik USM.

**(c)** Bagi pertukaran lokasi alatan/pelupusan/kehilangan harta yang telah didaftarkan di bawah PTJ semasa pembelian/perolehan melalui peruntukan projek/geran perlulah melalui prosedur semasa Universiti melalui Jabatan Bendahari.

**(d)** Kegagalan mengemukakan Laporan Akhir Geran akan menjejaskan permohonan baharu Geran Dalaman Universiti pada masa depan. **Ketua Program termasuk Ketua Projek berkemungkinan besar disenarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.**

**(e)** Ketua Program, Ketua Projek, Penyelidik Bersama dan semua yang terlibat dengan geran/projek adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling, Syarat, Dasar dan Etika Penyelidikan USM, Polisi Harta Intelek Universiti, Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti dan Peraturan-Peraturan lain yang berkuatkuasa di Universiti Sains Malaysia.

© Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan _updated 1 October 2020